

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 17 OKTOBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 45)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI
BIN MOKHTAR
[KEMAMAN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha dan kerjasama yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk memperluas industri halal dalam kalangan negara ASEAN memandangkan industri ini kini dianggarkan bernilai sehingga USD 2 trilion di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Jumlah eksport halal yang telah direkodkan bagi tempoh Januari - Ogos 2024 berjumlah RM39.81 bilion. Sebahagian besar daripada nilai tersebut disumbangkan oleh sektor Makanan dan Minuman (55.2 peratus), diikuti dengan Bahan Ramuan Halal sebanyak (31.5 peratus), Kosmetik & Penjagaan Diri (6.7 peratus), Derivatif Minyak Sawit sebanyak (3.2 peratus), Industri Kimia sebanyak (1.9 peratus) dan Farmaseutikal sebanyak (1.5 peratus). Jumlah ini meningkat sebanyak 10.14 peratus daripada tahun 2023 yang mencatat jumlah eksport sebanyak RM34.76 bilion bagi tempoh yang sama.

2. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Halal Development Corporation Berhad (HDC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) menjalankan pelbagai usaha dalam mempromosikan produk-produk halal Malaysia ke negara luar. Antaranya adalah penyediaan platform dan aktiviti kempen perniagaan melalui acara-acara utama bagi mempromosi jenama serta barangan Halal Malaysia di pasaran antarabangsa. Program ini turut melibatkan acara pameran dagangan yang dilaksanakan secara bersasar bagi membantu penyertaan syarikat-syarikat tempatan yang berdaya eksport.

3. Pemain industri halal negara juga diperkenalkan kepada rakan-rakan perdagangan luar negara melalui penganjuran expo perdagangan seperti Malaysia International Halal Showcase (MIHAS). Untuk makluman, MIHAS kali ke-20 yang telah diadakan pada bulan September 2024, merekodkan jualan produk halal yang mencecah RM4.3 billion iaitu 34 peratus lebih tinggi daripada sasaran. Pameran halal terbesar dunia ini telah memadankan 800 syarikat tempatan dengan 330 pembeli antarabangsa dari 45 buah negara.

4. Usaha mempertingkatkan eksport produk dan perkhidmatan halal Malaysia ke negara luar akan diteruskan lagi melalui Program Malaysia

SOALAN NO : 10

Global Halal Show yang menawarkan khidmat bimbingan kepada syarikat untuk menembusi akses pasaran antarabangsa. Sebanyak lima belas (15) buah syarikat dari sektor makanan dan minuman serta bahan ramuan halal telah menyertai *Food and Hospitality Indonesia (FHI) 2024* bertempat di Jakarta, Indonesia berlangsung pada 23 hingga 26 Julai 2024.

5. Pada masa yang sama, pemain industri boleh mengoptimalkan pelbagai perjanjian perdagangan bebas yang disertai oleh Malaysia seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (ATIGA) dan Perjanjian Kerjasama Komprehensif ASEAN – Jepun. Perjanjian-perjanjian bebas ini memberikan akses kepada pasaran antarabangsa dengan duti yang rendah.

6. Di samping itu, beberapa usaha melibatkan kerjasama antara negara ASEAN sedang dilaksanakan bagi tujuan mempromosi produk-produk dan perkhidmatan berkaitan halal. Ini termasuk:

- a. ASEAN Working Group on Halal Food (AWGHF) yang melibatkan kesemua negara-negara ASEAN;
- b. Working Group on Halal Products and Services (WGHAPAS) melalui Inisiatif Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle; dan
- c. Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS).

7. Tambahan pula, Malaysia Technical Cooperation Program (MTCP) merupakan sebuah program yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran kepada negara-negara membangun. HDC telah mengadakan program MTCP yang bertajuk Halal: Industry Awareness and Ecosystem Development selama 10 hari bermula daripada 4 Jun sehingga 14 Jun 2024 dengan penyertaan daripada Thailand (3 orang), Filipina (5 orang) dan Laos (7 orang). Antara aktiviti yang dijalankan

SOALAN NO : 10

adalah latihan asas industri halal, bengkel dan lawatan kerja ke taman industri halal.

8. Selain itu, Kerajaan juga memantau perkembangan industri halal dalam negara dalam usaha untuk meningkatkan eksport negara. Salah satu usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah mempercepatkan pengeluaran sijil halal dan membangunkan industri-industri tempatan yang berasaskan produk halal supaya lebih kompetitif dan berdaya tahan. Langkah-langkah ini dijangka mempertingkatkan pengeluaran dan eksport Halal seperti yang disasarkan dalam Halal Industry Master Plan (HIMP) 2030. Pelbagai usaha juga dijalankan dengan memberi tumpuan kepada penyertaan aktif syarikat Bumiputera serta mempergiatkan pengkomersilan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) halal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian akan membentangkan "Lemon Law" bagi lebih melindungi hak pengguna terutamanya pembeli kereta. Jika ya, apakah perkembangan pendrafan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan Kajian Perundangan Berkaitan *Lemon Law* di Malaysia sejak Jun 2024. Antara gerak kerja kajian yang sedang berjalan meliputi:

1. Analisis mendalam berkaitan akta dan peraturan sedia ada yang berkaitan dengan *Lemon Law* di Malaysia;
2. Analisis konteks akta dan peraturan di Malaysia dan perbandingan perundangan dengan negara-negara terpilih iaitu Filipina, Singapura, Republik Korea, Amerika Syarikat dan Kanada (Quebec) yang mengamalkan perundangan *Lemon Law*;
3. Bengkel dan temu bual bersama pihak yang berkepentingan yang terdiri daripada Kementerian seperti Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Agensi kerajaan seperti Malaysia Automotive Robotics & IoT Institute (MARii), NGO Kepenggunaan, Syarikat dan Persatuan Automatif; dan
4. Sesi khas bersama Department of Trade and Industry Phillipines (DTI) untuk perkongsian pengalaman tentang pelaksanaan '*Lemon Law*' di negara mereka.

Kajian kini telah berada di fasa akhir, dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Perundangan Berkaitan *Lemon Law* telah mengarahkan pasukan perunding untuk membuat komponen kajian tambahan berkaitan beberapa cadangan baharu terhadap kajian. Dengan komponen tambahan yang digariskan, disasarkan laporan penuh kajian dibentangkan kepada Kementerian pada bulan November 2024.

NO SOALAN : 11

Kajian tersebut akan diguna pakai sebagai asas pertimbangan untuk menggariskan keputusan dasar di peringkat Kementerian bagi menetapkan hala tuju penambahbaikan kerangka perundangan, sebelum sebarang syor diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR
BIN MASDUKI
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang telah diambil khususnya untuk membantu golongan remaja yang terlibat dadah di mana sekitar 60,000 remaja didapati mengambil dadah dan 3 daripada 4 remaja mula mengambil dadah sebelum 14 tahun berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

1. Penyalahgunaan dadah dan bahan yang tidak terkawal adalah ancaman kepada pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara. Lebih membimbangkan, sebahagian besar daripada kes yang dilaporkan melibatkan golongan muda berumur antara 15 dan 40 tahun.
2. Berdasarkan kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2022, dianggarkan seramai 106,000 remaja berumur 13 hingga 17 tahun pernah mengambil dadah seumur hidup mereka (*prevalens*: 5.2 peratus). Daripada jumlah itu, 60,000 remaja masih aktif menggunakan dadah (*prevalens*: 2.4 peratus). Manakala dalam kalangan remaja yang pernah mengambil dadah tersebut, majoriti (72.2 peratus) telah mula mengambil dadah sebelum berumur 14 tahun.
3. Manakala data yang dilaporkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), sebanyak 65 peratus daripada penagih dadah yang menjalani rawatan serta pemulihan di fasiliti AADK pada tahun lalu adalah individu yang menagih dadah jenis sintetik membabitkan golongan remaja dan belia. Banyak kajian juga telah mengaitkan isu kesejahteraan sosial sebagai penyumbang kepada masalah dadah, ini termasuklah kawalan sendiri oleh institusi kekeluargaan dan masyarakat setempat.
4. Melihat kepada isu yang semakin meruncing ini khususnya keterlibatan golongan muda dengan gejala dadah, pelbagai agensi perlu bekerjasama dalam membendung remaja daripada terjebak dengan najis dadah. Ini termasuklah pengukuhan institusi keluarga, pemantapan persekitaran sekolah dan institusi pengajian yang selamat dan kondusif serta memperkasa komuniti setempat.
5. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ialah Program Kesejahteraan Keluarga melalui siri kursus keibubapaan bagi memantapkan institusi kekeluargaan seperti program keluarga@kerja

SOALAN NO : 12

dan Ilmukeluarga@LPPKN. Program-program ini memberi tumpuan cara gaya keibubapaan, pengurusan tekanan dan pengurusan konflik keluarga. Dari Januari hingga September 2024, sejumlah 1,034 kursus telah dilaksanakan di seluruh negara, memanfaatkan sejumlah 7,577 orang ibu bapa.

6. KPWKM juga prihatin dalam membantu ibu bapa dari segi pengukuhan jati diri dalam membina hubungan yang positif dan kukuh dengan anak menerusi pelaksanaan program Naungan KASIH. Objektif program ini adalah memberi kemahiran keibubapaan untuk membina institusi keluarga yang resilien serta mewujudkan hubungan yang positif antara ibu bapa dan anak.

7. Selain itu, LPPKN juga melaksanakan program advokasi pencegahan penyalahgunaan dadah melalui 18 buah Pusat Remaja KafeTEEN, satu (1) buah Trak KafeTEEN untuk program *outreach* dan aplikasi mobile KafeTEEN untuk meningkatkan akses remaja kepada maklumat dan perkhidmatan kesihatan reproduktif, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran termasuklah penyebaran maklumat berkaitan bahaya penyalahgunaan dadah.

8. Usaha dalam memerangi gejala dadah ini tidak boleh hanya dimainkan oleh secara silo. Justeru, penglibatan rentas agensi yang bertanggungjawab dalam advokasi pencegahan dan intervensi secara berterusan perlu diperkuatkan termasuk usaha kolaboratif antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi serta KPWKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana kemajuan perbincangan hasrat Kerajaan Singapura untuk membeli dua bidang tanah milik Malaysia di Woodlands dan memastikan kepentingan strategik dan ekonomi Malaysia terpelihara dalam urusan penjualan ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Batu Pahat** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Semasa Sesi Pemukiman Pemimpin-pemimpin Malaysia-Singapura Ke-10 pada 30 Oktober 2023 yang lalu, mantan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong telah menyatakan hasrat Singapura untuk membeli tanah milik Malaysia di Woodlands.

3. Pada masa ini, cadangan penjualan tanah Malaysia di Woodlands, Singapura tersebut masih dalam fasa perbincangan dalaman di mana Kementerian Luar Negeri serta kementerian dan agensi yang terlibat iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan lain-lain sedang memperincikan maklumat berkenaan tanah-tanah tersebut.

4. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri akan terus menyelaras dengan kementerian dan agensi berkenaan supaya perkara ini diteliti dengan sewajarnya agar pendekatan yang bersesuaian dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, bagi memastikan kepentingan strategik dan ekonomi negara kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI
MOHD. YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini berhubung hasil laporan kajian oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk Menggubal Undang-undang Islam mengambil kira 3 aspek pertindihan kuasa jenayah Mahkamah Syariah serta unjuran garis masa pelaksanaannya.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai perkara ini telah pun dibangkitkan beberapa kali sebelum ini semasa Mesyuarat Pertama iaitu antaranya pada 21 Mac 2024, 27 Mac 2024 dan 2 April 2024 dan Mesyuarat Kedua antaranya pada 27 Jun 2024 dan 3 Julai 2024 yang lalu.
2. Sebagaimana yang dimaklumi, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam ("Jawatankuasa Khas"), suatu kajian yang mendalam dan kritikal akan dibuat tentang isu kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah butiran 1, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.
3. Taklimat gerak kerja yang terkini Jawatankuasa Khas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-72 pada 23 Ogos 2024.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Khas ini diadakan secara berkala dan setakat ini sebanyak tiga puluh dua (32) kali mesyuarat telah dilaksanakan.
5. Untuk makluman dewan yang mulia ini, bagi memastikan kajian yang komprehensif dibuat, sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan telah pun dibuat dari semasa ke semasa. Setakat ini antara sesi libat urus yang dibuat melibatkan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Mufti Negeri, Majlis Agama Islam Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Jabatan Kehakiman Negeri Sarawak dan pakar perundangan dan perlembagaan. Sesi libat urus bersama individu, institusi atau agensi lain juga akan dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dari semasa ke semasa.
6. Pendekatan sedemikian secara tidak langsung dapat membantu Jawatankuasa Khas untuk melihat semua aspek yang berkaitan secara holistik sama ada daripada aspek Perlembagaan Persekutuan, perundangan sivil dan Syariah termasuklah Hukum Syarak bagi memastikan laporan kajian yang komprehensif dapat dihasilkan.
7. Setakat ini, Jawatankuasa Khas dalam peringkat akhir penyediaan laporan dan merumus semua cadangan serta pengesyoran sebelum dibentangkan kepada Mesyuarat MKI dan MRR untuk

SOALAN NO : 14

perkenan dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN EDWIN ANAK BANTA
[SELANGAU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pelaksanaan Memorandum Persefahaman antara Cradle Fund Sdn Bhd dan Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak bagi memperluaskan inisiatif MYStartup di Sarawak berjalan lancar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak Memorandum Persefahaman di antara Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) dan Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) dimeterai pada 24 Jun 2022 beberapa siri program serta inisiatif telah dilaksanakan bersama TEGAS di Sarawak.
2. Inisiatif dan program yang telah dirangka dan dilaksanakan adalah bagi membangunkan ekosistem *startup* Sarawak dan hasil daripada inisiatif ini 50 syarikat *startup* di Sarawak telah mendaftar di Platform Tetingkap Tunggal MYStartup. Syarikat-syarikat *startup* ini membangunkan serta menjalankan perniagaan dalam bidang-bidang seperti teknologi pertanian, pembangunan aplikasi, data raya, e-dagang dan lain-lain teknologi.
3. Sebanyak lima (5) program telah dilaksanakan sejak pemeteraian MOU antara Cradle dan TEGAS dan telah memanfaatkan hampir 600 syarikat *startup*, usahawan dan individu. Antara program terlibat adalah MyStartup Roadshow, MyHackathon, MyStartup NXT dan Fundraising Bootcamp.
4. Melalui usaha berterusan dan erat di antara Cradle dan agensi negeri di Sarawak seperti TEGAS dan Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC), pelbagai program serta inisiatif telah dirancang bagi memperkasa usahawan negeri Sarawak untuk melangkah lebih jauh ke peringkat yang lebih tinggi.

SOALAN NO : 15

5. Usaha-usaha yang dilaksanakan menunjukkan komitmen Kementerian dalam membangunkan ekosistem *startup* negara secara holistik dan inklusif. MOSTI akan terus komited dalam memperkukuhkan ekosistem *startup* Sarawak dan negara melalui dasar-dasar yang progresif, usahasama dengan sektor swasta, serta memperluaskan peluang pembiayaan dan sokongan kepada syarikat *startup* agar ia membawa impak positif bukan sahaja kepada ekonomi negeri tetapi juga kepada negara secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semasa projek-projek Skim Tanah Rakyat (STR) Generasi Baru FELDA terutamanya di negeri Pahang dan langkah mitigasi daripada Kerajaan agar tidak mengulangi kegagalan projek-projek Perumahan Generasi Kedua FELDA.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) pada 27 September 2021, Dewan Rakyat dalam Perkara 89 oleh YAB Perdana Menteri, menyatakan bahawa pelaksanaan semula model Pembangunan Perumahan Generasi Baharu FELDA (LGF) berasaskan konsep bina sendiri oleh generasi yang layak.

Melalui Keputusan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang (MMKN) pada 20 September 2023 dan surat makluman SUK.PHG-5.600-3/10/4/1(62) bertarikh 14 December 2023 berkaitan pelaksanaan Skim Tanah Rakyat FELDA Negeri Pahang (STRFP) yang menggantikan skim Lot Kediaman Generasi Baharu FELDA (LGF) di seluruh Negeri Pahang.

Sehingga kini, sebanyak 73 tapak yang berada di dalam tanah rancangan FELDA di Negeri Pahang telah dikenal pasti. Kemajuan pelaksanaan di peringkat rancangan masih dalam peringkat perancangan yang berkehendakkan Kerajaan Negeri menyusun plan strategik berkenaan pemilihan peserta, pemberian hak milik lot-lot tapak rumah serta perbelanjaan pembangunan.

FELDA sedang menjalankan kerja ukur di tapak-tapak di atas yang akan disempurnakan seawal pada Disember 2024. Hasil daripada kerja

SOALAN NO : 16

pengukuran ini, pelan racikan akan dijalankan bagi menentukan jumlah lot-lot tapak untuk serahan kepada peserta yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimana pengiraan dibuat oleh Jabatan Statistik yang menyatakan terdapat 213.7 juta orang pelancong tempatan bagi tahun 2023 dan bagaimanakah Kementerian tahu tentang jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pelancong tempatan dan pelancong luar negara seperti yang diberikan oleh Jabatan Statistik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah 213.7 juta pelawat domestik pada tahun 2023 seperti yang dinyatakan pada soalan adalah berdasarkan kepada Survei Pelancongan Domestik Malaysia yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Negara (DOSM). Walaubagaimanapun perincian teknikal berkaitan kajian perlulah dirujuk terus dengan Jabatan Perangkaan Malaysia di bawah Kementerian Ekonomi.
2. Sebagai maklumat tambahan, untuk tahun 2023 seramai 20.14 Juta pelancong asing direkodkan dengan menjana pendapatan sebanyak RM71.3 bilion. Data berkaitan pelancong asing ini diperolehi melalui kajian pemergian pelancong asing (*Departure Visitor Survey-DVS*) yang dijalankan sendiri oleh Tourism Malaysia di setiap pintu masuk utama negara, seperti di lapangan terbang antarabangsa dan pintu sempadan utama negara yang lain.
3. Kajian ini melibatkan sesi temu ramah atau soal selidik terus dengan pelancong sebelum mereka meninggalkan negara. Hasil dapatan dari kajian DVS ini telah dibentangkan dan disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Data yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Negara, Bank Negara Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah penambahbaikan dan prinsip utama yang terkandung di dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baru diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam; dan
- (b) adakah kelayakan dan faedah pencen penjawat awam masih kekal dilindungi di dalam SSPA.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan yang telah diperkenalkan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) adalah seperti berikut:
 - a. pemantapan pembudayaan nilai Perkhidmatan Awam;
 - b. penyelarasan struktur gaji;
 - c. penambahbaikan Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM);
 - d. semakan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT);
 - e. semakan pemberian elaun dalam perkhidmatan awam;
 - f. penyeragaman dan penggelaran semula gred;
 - g. penjumudan dan penggabungan skim perkhidmatan;
 - h. pindaan syarat skim perkhidmatan;
 - i. keluasan Kelayakan TVET dalam Perkhidmatan Awam;
 - j. semakan semula penetapan Ketua Perkhidmatan;
 - k. pindaan kelayakan masuk minimum dalam Perkhidmatan Awam;
 - l. penambahbaikan penilaian prestasi dan pengiktirafan;
 - m. penambahbaikan kemajuan kerjaya Perkhidmatan Awam;
 - n. penambahbaikan dasar dan prosedur tatatertib;
 - o. penambahbaikan dasar dan proses pengurusan pegawai berprestasi rendah;
 - p. penambahbaikan fleksibiliti waktu bekerja; dan
 - q. penambahbaikan pemberian kemudahan.

2. SSPA akan dilaksanakan mulai 1 Disember 2024 bagi memastikan Perkhidmatan Awam Malaysia memiliki penjawat awam yang

SOALAN NO : 18

kompeten, berprestasi tinggi, berintegriti serta nilai sahsiah yang baik dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

3. Penambahbaikan-penambahbaikan tersebut telah dibangunkan dengan mengambil kira perkaitan antara pembentukan modal insan dan aspirasi nasional menerusi tiga (3) prinsip berikut:
 - a. Dinamik struktur dan skim perkhidmatan serta modal insan sektor awam yang tangkas dan sedia masa hadapan;
 - b. Penerapan nilai dan amalan murni penjawat awam ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan berorientasikan rakyat; dan
 - c. Adil kesaksamaan dan kesamarataan dalam penetapan dasar sumber manusia merangkumi fasa sebelum, semasa dan pasca perkhidmatan.
4. Kelayakan serta faedah persaraan penjawat awam sedia ada dalam Perkhidmatan Awam adalah masih dilindungi seperti mana ketetapan Akta Pencen 1950 [Akta 227].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN
TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendekatan Malaysia dalam mengekalkan hubungan diplomatik yang seimbang dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China dan Rusia terutamanya dalam konteks perdagangan minyak sawit dan isu geopolitik serantau sebagaimana yang dibangkitkan dalam lawatan Perdana Menteri baru-baru ini ke Rusia dan India.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sembrong** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia, sebagai sebuah negara berdaulat, sentiasa mengamalkan dasar luar yang berteraskan kepada prinsip berkecuali, pragmatik, dan tidak berpihak dalam mengekalkan hubungan diplomatik yang seimbang dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China, dan Rusia, melalui mekanisme-mekanisme dua hala sedia ada.

3. Malaysia sentiasa memastikan bahawa setiap hubungan diplomatik dibentuk berdasarkan kepentingan negara. Dalam konteks minyak sawit, Malaysia berusaha untuk memastikan hak dan kebajikan petani serta industri minyak sawit dilindungi.

4. Sehubungan itu, dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Rusia dan India baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan kepentingan memperluaskan pasaran minyak sawit. Pendekatan ini membantu mengurangkan kebergantungan kepada satu negara atau blok tertentu dan membuka peluang baru bagi eksport.

5. Perdagangan minyak sawit sedia ada akan diteruskan dan dipertingkatkan lagi. Pada tahun 2023, China merupakan pengimport minyak sawit kedua terbesar Malaysia dengan nilai sebanyak RM11.03 bilion (USD2.62 bilion). Malaysia berharap untuk meningkatkan eksport produk dan minyak sawit sedia ada dari 3.19 juta tan kepada 3.4 juta tan pada tahun ini. Pada masa yang sama, Malaysia juga kini sedang dalam

SOALAN NO : 19

proses mendapatkan kelulusan pihak China untuk penggunaan tocotrienol dalam produk kesihatan dan kecantikan susulan kelulusan penggunaan produk tersebut dalam bahan makanan tambahan oleh Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China.

6. Bagi Amerika Syarikat dan Rusia pula, masing-masing telah mengimport sebanyak RM2.4 bilion (USD571.24 juta) dan RM326.86 juta (USD77.53 juta). Bagi Amerika Syarikat, selain minyak sawit mentah, Amerika Syarikat juga mengimport beberapa produk sawit termasuk oleokimia berasaskan sawit, produk sawit lain, minyak isirong sawit, biodiesel dan produk siap dari Malaysia. Pengiktirafan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) oleh Amerika Syarikat sebagai salah satu piawaian untuk mengimport produk minyak sawit Malaysia berpotensi besar untuk meningkatkan nilai perdagangan minyak sawit Malaysia ke Amerika Syarikat pada masa hadapan. Malaysia juga akan mendapat manfaat daripada mempelbagaikan eksport untuk produk minyak sawit hiliran, atau dengan izin, *downstream* dan produk nilai tambah tinggi, atau dengan izin, *high value-added*, seperti lemak khusus dan oleokimia.

7. Lawatan Kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India dari 19 hingga 21 Ogos 2024 dan Rusia pada 4 dan 5 September 2024 telah berjaya membuka lembaran baharu dan meningkatkan potensi perdagangan terutamanya dalam industri sawit. Semasa lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dengan kedua-dua pemimpin negara tersebut dan mereka antara lainnya bersetuju untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan secara umumnya. Malaysia akan terus memanfaatkan hubungan baik dengan kedua-dua negara ini untuk mengeksport minyak dan produk sawit Malaysia.

8. Semasa di India, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghargai sokongan India terhadap industri minyak sawit Malaysia yang dizahirkan melalui status India sebagai pengimport terbesar minyak sawit negara, sebanyak RM11.16 bilion (USD2.44 bilion) pada tahun 2023. Lawatan ke India juga telah berjaya meraih potensi perdagangan

SOALAN NO : 19

sebanyak RM8 bilion, dalam sektor minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit, bahan kimia dan produk kimia, minyak dan gas serta alat ganti kapal terbang.

9. Malaysia juga akan terus mengekalkan hubungan baik dengan semua negara dengan mengambil pendirian yang seimbang, berkecuali dan pragmatik serta tidak berpihak kepada mana-mana negara. Usahasama erat di antara Malaysia dan rakan-rakan perdagangannya akan terus dipesatkan bagi memastikan Malaysia dapat menjadi destinasi pelaburan terunggul di rantau Asia Tenggara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ANDI MUHAMMAD
SURYADY BIN BANDY
[KALABAKAN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif pihak Kementerian bagi memastikan usahawan Bumiputera mendapat manfaat optimum menerusi pelaksanaan inisiatif Tetingkap Tunggal Nasional melibatkan perdagangan rentas sempadan Malaysia-China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tetingkap Tunggal Nasional (*National Single Window - NSW*) Malaysia yang dikawalselia oleh **Kementerian Kewangan** merupakan platform **fasilitasi perdagangan elektronik** bertujuan memudahkan pertukaran maklumat di antara Kementerian, Agensi Kerajaan dan sektor swasta dalam pengurusan dokumen perdagangan bagi proses pelepasan barangan di Malaysia. NSW membolehkan pengeksport, pengimport dan pihak yang berkepentingan untuk **menghantar dokumen** dan **mendapatkan kelulusan** bagi aktiviti **perdagangan secara dalam talian** menerusi **satu tetingkap tunggal** tanpa perlu berurusan dengan setiap agensi secara berasingan.

2. Dengan NSW, proses yang melibatkan dokumen seperti **permit, lesen, sijil**, dan maklumat berkaitan dapat **diintegrasikan dalam satu sistem** yang lebih cekap, **mengurangkan masa dan kos pemprosesan, meningkatkan ketelusan** serta keberkesanan dalam **pergerakan barangan** di peringkat domestik dan antarabangsa. Hal ini membolehkan pengeksport tempatan menawarkan harga produk yang lebih kompetitif sekaligus meningkatkan daya saing syarikat tempatan di peringkat serantau dan global.

3. Sehubungan ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan kelebihan NSW dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti perniagaan, merangkumi usahawan Bumiputera dalam transaksi perdagangan rentas sempadan termasuk ke negara Republik Rakyat China (RRC). Bagi tujuan ini, pelbagai usaha, inisiatif dan program telah dan sedang dilaksanakan seperti berikut:

- a. menjalinkan **kerjasama di antara NSW Malaysia dengan NSW RRC** dengan tujuan untuk mewujudkan kebolehooperasian (*interoperability*) NSW yang akan **membolehkan pertukaran dokumen dagang secara elektronik di antara kedua-dua negara**. Kerjasama ini akan memperluaskan spektrum fasilitasi perdagangan kepada

SOALAN NO : 20

komuniti pengeksport seterusnya dapat memacu pertumbuhan sektor perdagangan dan menjadi pemangkin kepada peningkatan transaksi perdagangan rentas sempadan antara Malaysia dan RRC;

- b. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menerusi agensinya Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), giat **melaksanakan program-program pembangunan pengeksport termasuk yang berstatus Bumiputera** dengan memfokuskan kepada peningkatan kapasiti dalam meneroka pasaran eksport iaitu **Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP); Program eTRADE; Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTCDP); dan Program GlobPreneur**. Pada tahun **2023**, sejumlah **1,155 syarikat Bumiputera** telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program-program tersebut; dan
- c. MATRADE turut melaksanakan inisiatif penggalakan pengeksport seperti **Program Promosi Eksport MATRADE**. **Program** tersebut telah berjaya **membantu syarikat Bumiputera meneroka pasaran RRC** melalui **Program Pameran Perdagangan Antarabangsa CAEXPO 2023 dan *International Sourcing Program (INSP) RRC dan Asia Timur 2023*** dengan janaan hasil jualan berjumlah **RM430.7 juta** merangkumi produk bahan binaan, elektrik dan elektronik, makanan dan minuman, perabot dan francais.

4. MITI dan agensinya MATRADE sentiasa mengambil pendekatan yang proaktif dalam merangka dan melaksanakan strategi-strategi fasilitasi perdagangan dan pembangunan kapasiti pengeksport dalam perdagangan rentas sempadan bagi memperkukuhkan eksport negara dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat antarabangsa.

5. Dalam usaha meneroka potensi pasaran RRC yang semakin berkembang pesat, inisiatif Kerjasama NSW Malaysia-RRC yang diterajui

SOALAN NO : 20

oleh MOF dilihat sebagai sokongan ekosistem perdagangan terbaharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan kepada pengeksport. Inisiatif tersebut yang melengkap program pembangunan pengeksport sedia ada memberi peluang kepada pengeksport tempatan termasuk Bumiputera untuk meraih peluang perniagaan rentas sempadan dalam pasaran baharu yang lebih luas dan berskala besar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:

- (a) berapa bilangan warganegara Malaysia yang dijatuhi hukuman mati di luar dan dalam negara, secara khususnya di mana mereka dijatuhi hukum; dan
- (b) apakah jenis bantuan yang dihulurkan kepada warganegara Malaysia yang dijatuhi hukuman mati di luar negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Balik Pulau** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat bulan Oktober 2024, sejumlah 74 orang rakyat Malaysia telah dijatuhi hukuman mati di luar negara iaitu di Brunei, China, Indonesia, Laos, Singapura, Thailand dan Vietnam kebanyakannya atas kesalahan penyeludupan dadah. Bagi warganegara yang dijatuhkan hukuman mati di Malaysia, perkara ini bukan di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, dan boleh dirujuk kepada Kementerian atau Agensi yang berkaitan.

3. Kerajaan mengambil berat dan sentiasa memantau kes-kes konsular melibatkan rakyat Malaysia di luar negara. Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan Malaysia di Luar Negeri akan membantu dalam memastikan kebajikan para tahanan yang dijatuhkan hukuman mati sentiasa terjaga dengan menghadiri sesi perbicaraan mereka secara, dengan izin, *watching brief* atau menerusi lawatan konsular yang diadakan ke pusat-pusat tahanan secara berkala selaras dengan Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular 1963.

4. Dalam hal ini, Perwakilan Malaysia di Luar Negeri boleh berkongsikan senarai firma guaman kepada subjek dan waris sebagai rujukan dan bantuan untuk mendapatkan khidmat guaman berkenaan perbicaraan dan proses rayuan mereka. Mana-mana individu yang didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati boleh mengemukakan rayuan atau permohonan pengampunan, sekiranya rayuan atau

SOALAN NO : 21

pengampunan telah diperuntukkan dalam sistem perundangan negara asing tersebut. Kementerian, melalui Perwakilan Malaysia di Luar Negeri, juga akan memastikan tahanan rakyat Malaysia mendapat akses kepada saluran-saluran rayuan dan pengampunan sewajarnya.

5. Walau bagaimanapun, selaras dengan Dasar Luar Malaysia, Kementerian Luar Negeri dan Perwakilan Malaysia di Luar Negeri tidak boleh campur tangan dalam urusan perundangan sesebuah negara asing dan perlu menghormati undang-undang yang digunapakai oleh negara tuan rumah, sebagaimana kita mahu negara-negara lain menghormati sistem perundangan di negara kita.

6. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa menasihatkan warganegara Malaysia yang berada atau akan mengadakan perjalanan ke luar negara agar sentiasa berwaspada serta memahami peraturan dan undang-undang negara berkenaan bagi mengelakkan daripada terjebak dalam perkara yang tidak diingini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan rundingan antara Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) dengan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) untuk memastikan hak Sarawak dalam penyeliaan perdagangan minyak dan gas di Sarawak dapat dikembalikan tanpa isu.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS masih di dalam proses perundingan dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan PETROS. Perbincangan ini telah berpanjangan kerana ia melibatkan pelbagai aspek dan impak yang signifikan daripada pelaksanaan Ordinan Pengagihan Gas (Pindaan) 2023 Sarawak dan undang-undang yang sedia ada. Kesemua pihak sedang berusaha untuk mencari penyelesaian yang memenuhi kepentingan dan keperluan semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan Rumah Peranginan Persekutuan yang terdapat di dalam negara mengikut pecahan negeri dan perancangan terhadap fasiliti atau kemudahan tersebut agar dapat beroperasi dengan baik serta tidak terbiar seperti di Langkawi, Kedah.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) yang terdapat di dalam negara adalah sebanyak sembilan iaitu di:
 - a. Pulau Pangkor, Perak;
 - b. Cameron Highlands, Pahang;
 - c. KM 18, Jalan Pantai Port Dickson, Negeri Sembilan;
 - d. Tanjung Tuan, Port Dickson, Negeri Sembilan;
 - e. Tasik Kenyir, Terengganu;
 - f. Pulau Pinang;
 - g. Morib Selangor;
 - h. Bukit Fraser, Pahang; dan
 - i. Labuan.

2. RPP diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH JPM). Pengurusannya merangkumi perkhidmatan *housekeeping*, pembersihan kawasan, penyelenggaraan landskap, kawalan serangga perosak dan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan RPP menggunakan peruntukan tahunan Kerajaan bagi memastikan fasiliti dan kemudahan RPP sentiasa terjaga serta beroperasi dengan baik.

3. Walau bagaimanapun, mengambil kira objektif asal RPP sebagai kemudahan istirehat dan penyediaan hospitaliti penginapan yang kondusif kepada penjawat awam, BPH JPM sentiasa mengambil berat akan keadaan bangunan RPP yang dikawal selia termasuklah RPP Langkawi.

SOALAN NO : 23

4. RPP Langkawi pada masa ini bukanlah sengaja dibiarkan. Namun operasinya dihentikan mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - a. usia bangunan telah melangkaui 25 tahun dan terdapat kerosakan bangunan yang disebabkan oleh mendapan tanah dan faktor cuaca;
 - b. kebanyakan perabot *built-in* yang berasaskan kayu serta rangka tingkap dan pintu reput disebabkan oleh anai-anai;
 - c. memerlukan pendawaian semula dan penggantian kelengkapan elektrik;
 - d. memerlukan pembaikan dan penyelenggaraan sistem mekanikal yang melibatkan sistem pam, perpaipan dalaman, tangki air dan sistem pecegahan kebakaran;
 - e. rekaan dalaman tidak lagi sesuai dengan *trend* semasa; dan
 - f. perabot yang digunakan adalah sejak tahun 2006 dan penggantian perabot oleh operator terdahulu bukan secara menyeluruh.
5. Berdasarkan situasi tersebut, BPH JPM pada 2017 telah menyediakan perancangan pembaikan bangunan RPP Langkawi dengan anggaran kos baik pulih bangunan daripada laporan *Building Condition Assessment* (BCA) pihak JKR yang bernilai RM 2.8 juta.
6. Walau bagaimanapun, setelah diteliti dan mengambil kira pendekatan *value for money* dalam semua projek Kerajaan, cadangan pembangunan semula RPP Langkawi ini diputuskan menggunakan kaedah *Request For Proposal* (RFP) Terbuka yang dijangka akan dirundingkan pada awal Januari 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI UTAMA HASNI BIN
MOHAMMAD
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah kadar dana penyelidikan dan Pembangunan (R&D) memberi kesan terhadap pembangunan teknologi dan daya inovasi negara dengan melihat kedudukan Malaysia berbanding negara lain seperti Korea Selatan dari aspek peruntukan kepada R&D berbanding KDNK negara yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaburan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kemajuan negara dan mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembangunan teknologi, pertumbuhan ekonomi serta daya inovasi negara.
2. Negara seperti Korea Selatan merupakan satu contoh terbaik bagaimana perbelanjaan R&D yang tinggi berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dapat memacu kemajuan teknologi dan inovasi. Dengan pelaburan yang konsisten dalam R&D, Korea Selatan bukan sahaja berjaya meningkatkan daya saing teknologinya tetapi juga muncul sebagai peneraju global dalam inovasi, berada dalam kalangan 10 negara teratas dalam *Global Innovation Index*.
3. Dalam konteks negara, berdasarkan laporan, nisbah Perbelanjaan Kasar R&D negara (GERD) terhadap KDNK adalah pada kadar 1.0% iaitu RM13.48 billion. Nilai ini dilihat masih jauh ketinggalan berbanding Korea Selatan yang memperuntukkan hampir 5.2% KDNK kepada R&D iaitu RM368.09 billion pada tahun 2022.
4. Data juga menunjukkan nisbah perbelanjaan R&D antara sektor awam dan sektor swasta di negara ini adalah 59:41, di mana sumbangan sektor swasta adalah 18%, lebih rendah berbanding sektor awam. Situasi ini berbeza dengan Korea Selatan, di mana sektor swasta menyumbang sekitar 75-80% daripada GERD, manakala sektor awam hanya menyumbang 20-25%. Perbezaan ini menunjukkan peranan utama sektor swasta dalam memacu daya inovasi menerusi aktiviti R&D di Korea Selatan.

SOALAN NO : 24

5. Dalam hal ini, Kerajaan kekal komited memperkukuh ekosistem R&D negara bagi merangsang inovasi dan kemajuan teknologi yang berterusan melalui pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030. Dasar ini menetapkan sasaran peningkatan Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) kepada 2.5% daripada KDNK pada tahun 2025 dan 3.5% pada tahun 2030. Selain itu, ia turut menyasarkan 70% daripada jumlah GERD disumbangkan oleh sektor swasta (BERD), selaras dengan usaha memperhebat kerjasama awam-swasta dalam memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan.
6. Berdasarkan unjuran, untuk meningkatkan perbelanjaan R&D kepada 3.5% daripada KDNK menjelang tahun 2030, anggaran perbelanjaan R&D yang diperlukan ialah RM25.7 bilion dari sektor awam dan RM60.0 bilion dari sektor swasta, berdasarkan nisbah sumbangan 30:70 antara sektor awam dan sektor swasta. Perbelanjaan ini diunjurkan akan memenuhi sasaran GERD/KDNK pada kadar yang ditetapkan bagi tempoh tersebut.
7. Justeru, usaha yang lebih proaktif perlu dilaksanakan bagi merangsang penyertaan sektor swasta dalam R&D. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:
 - a. *Malaysia Science Endowment Fund (MSE)* – bagi membiayai aktiviti-aktiviti R,D,I,C&E melalui mekanisme dana padanan atau geran padanan melalui sumbangan sektor swasta dari pelbagai sumber dan kaedah termasuklah geran dari industri, organisasi, waqaf dan pelabur mangkin (*angel investors*) dalam dan luar negara;
 - b. inisiatif *i-Connect* - memacu penyelidikan yang diterajui oleh industri (*demand driven*) ke arah pengkomersialan R&D tempatan dengan penglibatan *quadruple helix* bagi penghasilan produk dan teknologi tempatan. Sehingga kini, 12 projek kolaboratif telah diluluskan di bawah i-Connect dengan geran

SOALAN NO : 24

padanan sebanyak RM33.34 juta, yang mana 53% daripadanya adalah sumbangan R&D daripada pihak industri;

c. Tetingkap Tunggal (*Single Window*) - bagi ekosistem Syarikat Pemula (*Startups*) - sumber maklumat tunggal (*single source information*) yang menyediakan inisiatif berkaitan program pembiayaan, bukan pembiayaan serta sokongan bagi ekosistem *startups*; dan

d. pembiayaan geran, insentif potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan R&D serta akses kepada teknologi terkini melalui pelbagai program yang dilaksanakan di bawah agensi dan jabatan.

8. Kadar pelaburan dalam R&D adalah antara faktor penting yang mempengaruhi pembangunan teknologi dan daya inovasi negara. Oleh yang demikian, peningkatan peruntukan R&D dan penglibatan yang lebih aktif dari sektor swasta, bersama dengan pembangunan modal insan dan sokongan infrastruktur, adalah kunci dalam memperkukuhkan ekosistem inovasi negara untuk mencapai sasaran GERD kepada 3.5% dan matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menyesuaikan pendekatan perlombongan Kanada untuk pengekstrakan nadir bumi (*rare earth extraction*) dan melindungi hak Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan polisi semasa, sebarang aktiviti perlombongan unsur nadir bumi (REE) di Malaysia adalah tertakluk kepada kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Laporan EIA secara keseluruhan meliputi pelbagai aspek antaranya topografi, geologi, tanah, hidrologi, dan kawasan sensitif alam sekitar.
2. Perlindungan hak Orang Asli juga merupakan salah satu elemen yang diberi keutamaan dalam proses laporan EIA. Dalam kajian EIA, kawasan kajian hendaklah meliputi keluasan dengan radius 5 km di luar kawasan perlombongan bagi memastikan kepentingan dan hak Orang Asli di kawasan terlibat diambil kira.
3. Dalam usaha penyesuaian pendekatan perlombongan Kanada, Kementerian akan terus mengkaji amalan terbaik yang diguna pakai terutamanya dalam melindungi hak Orang Asli. Pada masa ini, Kementerian sedang dalam rangka untuk menyertai beberapa platform piawai perlombongan berkelas dunia seperti program *Towards Sustainable Mining* (TSM) dan *The Initiative for Responsible Mining Initiative* (IRMA) melalui kerjasama antarabangsa sedia ada termasuk dengan pihak Kerajaan Kanada.
4. Di samping itu, berdasarkan kerjasama tersebut, Kementerian akan mempertimbang pendekatan-pendekatan yang bersesuaian dan sekiranya relevan boleh disesuaikan dan diterapkan di Malaysia demi memastikan pengekstrakan REE dan mineral lain dilakukan secara lestari dan bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN
[JULAU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan Kementerian bagi menangani isu pencemaran sungai dengan peningkatan ladang kelapa sawit yang menjejaskan sumber air bagi penduduk terutamanya di kawasan Lasi di Meluan dan Ulu Wak, Tugong dan Sungai Kedang di Pakan yang masih belum mempunyai bekalan air bersih terawat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) amat prihatin dengan keperluan sumber air bersih oleh penduduk terutamanya di kawasan Lasi di Meluan dan Ulu Wak, Tugong dan Sungai Kedang di Pakan.
2. Pencemaran air sungai yang berpunca daripada kilang pemprosesan kelapa sawit adalah tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Berdasarkan kepada semakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), didapati bahawa tiada sebarang premis industri mahupun kilang kelapa sawit di kawasan yang dinyatakan.
3. Sebagai makluman kepada semua Ahli Yang Berhormat, di bawah Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar Kebangsaan, sebanyak 1,353 stesen pengawasan kualiti air sungai manual yang merangkumi 672 sungai telah dipantau di seluruh negara. Di Negeri Sarawak, sebanyak 62 sungai yang dipantau di bawah Program ini termasuk Sungai Jalau dan Sungai Pakan di dalam Lembangan Sungai Rajang. Status kualiti air sungai bagi Sungai Jalau dan Sungai Pakan adalah konsisten berada di dalam kategori Bersih dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2019 sehingga tahun 2023.
4. Bagi memastikan kualiti air sungai terus terpelihara, JAS telah mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan Akta 127 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal punca pencemaran;
 - ii. Menjalankan pengawasan di dua buah lokasi stesen pemantauan kualiti air di Sungai Julau dan Sungai Pakan secara berkala;
 - iii. Meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasa di bawah Kerajaan Negeri seperti Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar

SOALAN NO : 26

(NREB), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi penguatkuasa yang lain bagi memastikan tindakan pemantauan serta penguatkuasaan di sungai secara berterusan dilaksanakan;

- iv. Memperbanyakkan penganjuran dan meningkatkan keberkesanan program promosi dan kesedaran awam kepada semua pemegang taruh akan kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar; dan
- v. Mengenakan tindakan tegas dengan pengeluaran notis arahan, kompaun, penahanan operasi kelengkapan, gantung/tarik balik lesen, perintah larangan dan tindakan mahkamah ke atas premis-premis yang didapati gagal mematuhi Akta 127 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah seterusnya selepas operasi pembersihan dan perobohan struktur haram dan pelan penambahbaikan di Jalan Petaling.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan penguatkuasaan atau Operasi Roboh yang dilaksanakan di sekitar kawasan Jalan Petaling adalah bertujuan untuk memastikan jalan, lorong, siar kaki yang dikhaskan bagi kegunaan dan laluan orang awam bebas dari sebarang halangan atau struktur tambahan. Halangan yang disebabkan oleh penjaja atau pemilik perniagaan bukan sahaja telah menghalang dan mengecilkan ruang laluan pejalan kaki atau menutup terus lorong belakang premis, malah turut menyebabkan kerja-kerja pembersihan oleh petugas pembersihan seperti Alam Flora dan SWCorp sukar untuk dilaksanakan.
2. Oleh yang demikian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan terus memantau, menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas kesalahan yang dilakukan oleh peniaga, penjaja di sekitar kawasan Jalan Petaling. Penglibatan serta kerjasama daripada jabatan-jabatan dalaman DBKL akan terus dipergiatkan bagi memastikan kerja-kerja menaik taraf, pengindahan lorong belakang Jalan Petaling dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan menyusun atur semula penjaja berlesen ke lokasi yang lebih sesuai seterusnya menjadikan kawasan Jalan Petaling lebih menarik, sistematik dan menjadi tumpuan lebih ramai pengunjung serta pelancong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LEE CHUAN HOW
[IPOH TIMUR]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMUR] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan untuk membawa masuk industri ke Silver Valley Technology Park (SVTP) di Parlimen Tambun sementara menunggu pengoperasian Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) yang mengambil masa terlalu lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. **Silver Valley Technology Park** (SVTP) seluas **2,216 ekar** merupakan suatu projek **Perbadanan Kemajuan Negeri Perak** (PKNPk), menerusi kerjasama antara **Perak Corporation Berhad** dengan **Advancecon Holdings Berhad**. Ia bakal menjadi pemangkin kepada **sektor teknologi tinggi** di Perak, terutamanya dalam bidang **inovasi digital** dan **teknologi hijau**. Di antara jenis pelaburan yang menjadi **fokus utama** kerana bertepatan dengan konsep SVTP ialah **pembuatan berasaskan bahan mineral, elektrik dan elektronik** termasuk **semikonduktor, pembuatan berasaskan teknologi hijau**, serta **logistik dan pergudangan**.
2. **Fasa pertama** seluas **816 ekar SVTP** telah dilancarkan pada **8 Januari 2024** yang lalu, dengan **nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.03 bilion**. Ianya dijangka menyediakan sebanyak **13,000 peluang pekerjaan baharu** yang merangkumi pelbagai sektor industri. Pembangunan SVTP telah dikenal pasti sebagai salah satu Program Flagship Perak Sejahtera 2030 iaitu Flagship 9: Program Mesra Pelabur.
3. Buat masa ini, **Jinjing Silicon Technology** dari Republik Rakyat China (RRC) telah komited untuk **melabur** sebanyak **RM40 juta** bagi projek **penghasilan kaca berkualiti tinggi** untuk **sistem tenaga solar**. Kilang yang bakal dibangunkan ini akan menjadi **kilang pertama** yang memacu pembangunan di kawasan SVTP. Setakat ini, projek tersebut telah **mencapai tahap pembinaan** sebanyak **20 peratus** dan dijangka **siap sepenuhnya** pada **suku keempat tahun 2025**.
4. Sepanjang **tahun 2023** sehingga **suku ketiga tahun 2024**, lebih dari **10 syarikat** yang telah **melawat dan mengadakan perbincangan** berkenaan potensi pelaburan di **SVTP**, di antaranya Shanghai Energy New Materials Technology Co.,Ltd, Bumi Teras Holding, Dongguan Villo Technology Co., Ltd, Hoosun Technology Group Co., Ltd dan Btr New Materials Group Co., Ltd.

5. Berhubung **Kerian *Integrated Green Industrial Park*** (KIGIP), sejak ianya diumumkan di **Belanjawan 2024**, segala **usaha** telah dan sedang **digerakkan** secara ***whole-of-Government approach*** menerusi **kerjasama** dan **sinergi erat** antara **Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak** serta pihak **SD Guthrie** dan **Permodalan Nasional Berhad** bagi memastikan KIGIP dapat direalisasikan dengan **kadar segera**. Sebagai makluman, Majlis **Peluncuran Pelan Induk KIGIP** telah **disempurnakan** pada **15 Jun** yang lalu, disusuli dengan **Majlis Pecah Tanah** oleh YAB Perdana Menteri pada **30 Ogos** dan usaha telah pun diambil bagi **menguar-uarkan** peluang dan potensi KIGIP sebagai destinasi pelaburan pilihan kepada para pelabur. Kerajaan percaya, KIGIP yang **berkonsepkan** Taman Perindustrian “**Hijau dan Pintar**”, akan berupaya **menjana aktiviti ekonomi**, mewujudkan **peluang pekerjaan** kepada bakat mahir, serta **menarik pelaburan berkualiti** terutamanya di dalam sektor-sektor seperti **elektrikal dan elektronik** termasuk **semikonduktor, logistik, teknologi maklumat** dan **komunikasi** (*Information and Communication Technologies, ICT*) serta **industri berasaskan pengetahuan**.

6. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (**MITI**) menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (**MIDA**) dengan kerjasama **Kerajaan Negeri**, termasuk **Perbadanan Kemajuan Negeri Perak** dan **Invest Perak**, sedang menggiatkan usaha untuk menarik **pelaburan** ke Negeri Perak, dan **SVTP** merupakan antara taman industri yang diberi **penekanan**.

7. Di antara inisiatif yang dilaksanakan yang turut bermanfaat bagi tujuan pelaburan ke SVTP ialah:

- i. Penganjuran **Seminar Rantaian Bekalan** (*Supply Chain Seminar*) bertujuan mengukuhkan ekosistem rantaian bekalan di antara syarikat tempatan, syarikat multinasional dan syarikat besar tempatan. Selain itu, ianya berpotensi **mewujudkan peluang perniagaan** kepada syarikat tempatan dan **pembekalan yang berterusan** daripada projek-projek pelaburan syarikat multinasional dan syarikat besar domestik;

SOALAN NO : 28

- ii. Penganjuran **sesi dialog** dengan Dewan Perdagangan / Perniagaan (*Business Chambers*) dan persatuan-persatuan industri bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek;
- iii. Pelaksanaan inisiatif **Platform Koordinasi Pelaburan Domestik** (*Domestic Investment Coordination Platform - DICP*), sebagai satu inisiatif MIDA bagi membantu syarikat-syarikat tempatan, khususnya **Perusahaan Kecil dan Sederhana** (PKS) untuk meningkatkan kemampuan dalam aspek sumber kewangan. Pasukan ini akan bekerjasama rapat dengan pengawal selia tempatan, institusi kewangan termasuklah **Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan** (*Government Linked Investment Company - GLIC*) seperti Khazanah serta firma penasihat ekuiti dan korporat, untuk memudahkan syarikat tempatan mendapatkan dana bagi tujuan mengembangkan perniagaan;
- iv. Mempergiatkan lagi **sesi libat urus dengan pelabur**, sama ada **pelabur baharu** dan **pelabur sedia ada**, umpamanya melalui penganjuran seminar pelaburan seperti **MIDA Invest Series Conference**, mesyuarat meja bulat, lawatan kerja, mesyuarat bersama para pelabur dan majlis rangkaian anjuran MIDA, termasuk Pejabat Wilayah MIDA Perak;
- v. Penganjuran **Seminar Pelaburan Tempatan** dan '**SME Investment Desk**' mengenai inisiatif dan fasiliti terkini yang disediakan oleh kerajaan serta memberi khidmat nasihat kepada syarikat tempatan yang majoritinya merupakan syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan juga Persatuan Industri / Dewan Perniagaan Tempatan;
- vii. Penubuhan **Unit Taman Perindustrian** di MIDA yang bertanggungjawab **memantau, mengurus dan membangunkan taman perindustrian** di Malaysia, termasuk di Sabah. Portal *MySite Selection* telah dibangunkan sebagai salah satu '*promotion tool*' bagi MIDA mempromosikan taman perindustrian yang terdapat di Malaysia kepada pelabur yang berpotensi melabur di Perak

SOALAN NO : 28

sekaligus merencanakan pembangunan taman perindustrian yang baru;

- viii. Kerjasama antara **Pejabat Perwakilan MITI dan MIDA** di peringkat **negeri** dengan **Agensi Penggalakan Pelaburan Negeri** termasuk Invest Perak, untuk menambahbaik dan memperkukuhkan **ekosistem pelaburan** di setiap **taman perindustrian**; *dan*
 - ix. Penubuhan **Pusat Memudahkan Pelaburan Malaysia** (*Invest Malaysia Facilitation Centre - IMFC*) sebagai **pusat sehenti di Ibu Pejabat MIDA** bagi **memudah cara** dan memberi khidmat nasihat kepada komuniti perniagaan dan pelabur.
8. **Kerajaan Persekutuan** menerusi MITI menerusi agensinya iaitu **MIDA** dari masa ke semasa, akan terus **bekerjasama** dengan **Kerajaan Negeri Perak** di dalam usaha menarik **pelabur** untuk melabur ke taman-taman perindustrian di Negeri **Perak**, termasuk ke **SVTP** mahupun ke **KIGIP**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN
[MIRI]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) tindakan Kerajaan bagi memastikan permohonan *Mutual Assistance in Criminal Matters* (MACM) dapat dipercepatkan; dan
- b) status terkini permohonan MACM kepada Kerajaan Singapura bersangkutan dengan laporan polis SG. SENAM RPT. 6/24 serta sebab-sebab permohonan masih tertangguh.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*] telah dipinda melalui Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2024 [*Akta A1709*] yang mana pindaan tersebut telah berkuat kuasa pada 1 September 2024.
2. Sebelum pindaan ini, pengemukaan permintaan bantuan bersama dalam perkara jenayah (MLA) daripada atau kepada Malaysia hendaklah dibuat melalui saluran diplomatik.
3. Namun, pindaan melalui Akta A1709 memberikan fleksibiliti berhubung dengan pengemukaan permintaan MLA daripada dan kepada Malaysia. Dengan pindaan ini—
 - (i) permintaan kepada Malaysia boleh dibuat terus kepada Peguam Negara sebagai Pihak Berkuasa Pusat untuk MLA dalam keadaan tertentu termasuklah jika tiada pejabat Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, Konsulat Jeneral atau Konsulat Negara asing itu di Malaysia atau di mana permintaan MLA itu perlu dilaksanakan dengan segera; dan
 - (ii) begitu juga untuk permintaan daripada Malaysia, Peguam Negara, dalam keadaan tertentu boleh membuat permintaan MLA terus kepada pihak berkuasa yang berkaitan seperti yang ditentukan oleh Negara asing.
4. Pindaan ini telah dibuat bagi memastikan permintaan MLA dapat dipercepatkan mengambil kira pengemukaan permintaan MLA melalui saluran diplomatik pada lazimnya mengambil masa yang lebih lama.

SOALAN NO : 29

5. Berdasarkan semakan terhadap rekod Jabatan Peguam Negara dan pihak Polis Diraja Malaysia, tiada permintaan MLA kepada Singapura telah dibuat berhubung dengan laporan polis SG. SENAM RPT. 6/24.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah Kementerian dalam mengawal dan menjaga kebersihan sungai daripada pencemaran terutamanya pembuangan sisa domestik dan industri. Sejauh manakah kempen zero plastics ini dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian di setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan (a)

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertindak mengikut punca kuasa yang terkandung di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Dalam hal ini, sisa pepejal domestik dan industri tidak tertakluk kepada Akta 127.

2. Namun demikian, langkah-langkah yang diambil untuk memelihara dan memulihara alam sekitar serta mengawal pencemaran sungai adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti kawalan pencemaran air dan kawalan kepada projek-projek pembangunan yang tertakluk kepada kelulusan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA);
- ii. Mengenalpasti lokasi aduan yang sering dikaitkan dengan pencemaran air supaya penguatkuasaan adalah lebih berfokus;
- iii. Melaksanakan operasi secara bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain berdasarkan bidang kuasa agensi masing-masing;
- iv. Menjalankan program pemantauan dan pengawasan bagi memastikan tahap kualiti air sungai; dan
- v. Menganjurkan program promosi dan kesedaran awam kepada semua pemegang taruh akan kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

SOALAN NO : 30

3. Isu pencemaran sungai di negara ini perlu ditangani secara bersepadu dengan penglibatan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan memandangkan sektor yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai ini bukan hanya melibatkan sektor industri tetapi juga melibatkan sektor lain seperti perbandaran, penternakan, pertanian serta aktiviti komersial yang tidak mempunyai sistem rawatan efluen atau kumbahan yang sempurna. Di samping itu, sisa daripada pasar basah, gerai makanan, dobi, pusat cucian kereta, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta sisa dari rumah atau setinggalan yang dilepaskan tanpa rawatan ke longkang dan dihanyutkan ke sungai juga menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) juga telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof Timbalan Perdana Menteri II bagi menangani isu kemerosotan kualiti air sungai kebangsaan secara bersepadu dengan penglibatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. JKKAS telah bersidang sebanyak dua (2) kali bagi tahun 2024.

Soalan (b)

5. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) tetap komited dalam menangani pencemaran sisa plastik khususnya plastik sekali guna menerusi pelaksanaan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 dan *Malaysia Plastics Sustainability Roadmap 2021-2030* (MPSR).

6. Untuk makluman, Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 telah diperkenalkan pada 17 Oktober 2018. Pelan Hala Tuju ini merupakan rancangan jangka panjang Kerajaan dalam menangani masalah pencemaran plastik di Malaysia secara holistik. Kerajaan telah mengambil pendekatan secara berfasa dalam memperkenalkan setiap tindakan di bawah Pelan Hala Tuju ini supaya lebih berkesan dan bersasar serta membolehkan semua pihak memahami rasional bagi setiap pelan tindakan tersebut. Ini sekali gus akan mendorong pengguna untuk bertindak dan memilih alternatif yang positif serta mesra alam.

SOALAN NO : 30

7. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri adalah dengan mengenakan caj pencemaran minima sebanyak 20 sen ke atas beg plastik konvensional di premis tetap. Ini adalah selaras dengan pendekatan *user pay principle* yang mana ia akan berfungsi sebagai *deterrent* bagi mengurangkan penggunaan dan pencemaran plastik sekali guna. Negeri-negeri yang telah melaksanakan pendekatan *user pay principle* telah dimulakan di Pulau Pinang dan diikuti dengan Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah dan Perlis.

8. Kementerian sedang meneliti semua pelaksanaan *user pay principle* dengan menetapkan hala tuju baru. Kementerian sedang mempertimbangkan tiada lagi pemberian “beg plastik sekali guna” seawal 2026 (atau lebih awal) di seluruh Malaysia. Kementerian telah menerima maklum balas positif daripada sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing yang telah dijalankan di 9 buah negeri. Libat urus seterusnya akan dijalankan di Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Untuk makluman, negeri-negeri yang telah melaksanakan dasar “tiada beg plastik sekali guna” adalah Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan di Kota Kinabalu, Sabah. Wilayah Persekutuan secara dasarnya juga tidak lagi memberikan beg plastik sekali guna (konvensional) dan menggalakkan kepada beg plastik biodegradasi.

9. Selain itu, satu lagi langkah dalam menambah baik pengurusan plastik adalah dengan menerapkan konsep ekonomi kitaran (*circular economy*) dalam rangkaian pengurusan plastik. Langkah ini diyakini akan dapat memastikan plastik yang terhasil adalah plastik boleh dikitar semula dan seterusnya dapat mengurangkan janaan sisa plastik berakhir di tapak pelupusan sampah. Kementerian berhasrat supaya pembuatan plastik akan ditambah baik secara lestari di peringkat reka bentuk (*design*) kepada reka bentuk yang lestari (*sustainable design*). Untuk makluman, Kementerian sedang dan akan memuktamadkan garis panduan *eco-design* dengan kerjasama SIRIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah insentif yang disediakan oleh pihak Kementerian dalam meningkatkan pemilikan sijil halal dalam kalangan pengusaha PMKS sama ada bagi golongan Bumiputera atau bukan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melaksanakan pelbagai Program Pembangunan Keusahawanan Halal merangkumi aspek pembangunan kapasiti usahawan, pembangunan kapasiti produk, adaptasi teknologi dan inovasi serta akses pasaran, yang terbuka kepada usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera.
2. Selaras dengan usaha meningkatkan pemilikan sijil halal dalam kalangan usahawan PMKS, KUSKOP telah melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal dengan peruntukan berjumlah RM1 juta pada tahun 2024 yang bertujuan menyediakan bantuan pematuhan pensijilan halal kepada usahawan. Di bawah program ini, usahawan yang layak akan ditawarkan bantuan geran pembiayaan sehingga RM10,000 bagi menampung kos pematuhan syarat-syarat pensijilan halal.
3. Melalui program ini juga, KUSKOP telah menganjurkan beberapa siri Bengkel Kesedaran dan Bimbingan Halal di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Sabah dan Pahang dan seramai 445 usahawan telah menerima manfaat daripada penganjuran bengkel ini. Sehingga 30 September 2024, semua usahawan tersebut telah menerima bantuan geran pembiayaan berjumlah RM615,000.00. Di samping itu, KUSKOP juga telah mengadakan kerjasama dengan Syarikat Grab Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui program Halal On Track (HOT) serta Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia bagi meningkatkan pemilikan sijil halal dalam kalangan PMKS tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN
[BANGI]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pusat data (*data centre*) yang sudah, sedang dan akan dibina di dalam negara mengikut negeri serta langkah-langkah Kementerian untuk memastikan bahawa penggunaan air dan tenaga bagi pusat-pusat data ini mematuhi piawai keselamatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pelaburan pusat data merangkumi aktiviti pusat data; pusat data dan pengkomputeran awan; serta pusat data dan pengekhoan data. Projek pelaburan pusat data yang telah diluluskan insentif oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (*Malaysia Investment Development Authority* – MIDA) sepanjang tempoh 2021 sehingga 30 Jun 2024 adalah sebanyak dua belas (12) projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM90.2 billion.

2. Daripada jumlah projek yang telah diluluskan, enam (6) projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM68.9 bilion telah siap dibina dan telah mula beroperasi iaitu empat (4) projek di Johor dan masing-masing satu (1) di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala enam (6) projek lagi sedang dalam pelbagai peringkat perancangan atau pembinaan iaitu satu (1) projek di Negeri Sembilan, dua (2) projek di Selangor dan tiga (3) projek di Johor.

3. Kerajaan amat menggalakkan penggunaan sumber tenaga boleh baharu, peralatan cekap tenaga dan air untuk memastikan semua pusat data di Malaysia beroperasi dengan efisien dan mampan di samping memastikan keterjaminan bekalan elektrik dan air negara dikawal serta digunakan secara efektif.

4. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan bahawa penggunaan air dan tenaga bagi pusat-pusat data mematuhi piawai kemampanan seperti berikut:

i. Kerajaan akan Memperkenal dan Melaksanakan Garis Panduan Pembangunan Mampan bagi Pusat Data

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pelbagai agensi Kerajaan berkaitan dan pemain industri pusat data di Malaysia bagi

membangunkan Garis Panduan Pembangunan Mampan bagi Pusat Data.

Garis Panduan ini merangkumi metrik *Power Usage Effectiveness* (PUE), *Water Usage Effectiveness* (WUE) dan *Carbon Usage Effectiveness* (CUE) bagi mengukur kecekapan penggunaan tenaga dan air, serta pelepasan karbon dari pusat data. Pematuhan Garis Panduan ini akan dijadikan sebagai salah satu syarat bagi permohonan insentif untuk pelaburan pusat data.

ii. **Menggalakkan Penggunaan Sumber Tenaga Boleh Baharu**

Kerajaan juga menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam operasi pusat data melalui dasar teknologi hijau bagi mencapai sasaran 70% tenaga boleh baharu menjelang 2050.

iii. **Melaksanakan Program Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (*Corporate Renewable Energy Supply Scheme – CRESS*)**

Program CRESS dijangka akan memudahkan akses operator pusat data kepada sumber tenaga boleh baharu oleh pihak ketiga (*third party access – TPA*). Ini akan memudahkan dan membolehkan lebih banyak pusat data memanfaatkan tenaga boleh baharu di samping membantu mengurangkan kos operasi dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini tuntutan Perjanjian Malaysia 1963 yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan yang telah dipenuhi apakah cabaran yang menyebabkan beberapa tuntutan itu masih belum terlaksana.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Perpaduan akan terus memberikan komitmen dalam meneruskan perundingan mengenai tuntutan-tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah Dan Kerajaan Sarawak supaya dapat diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai isu-isu di bawah MA63 masih diteruskan. Sehingga kini sebanyak 11 tuntutan di bawah MA63 yang telah diklasifikasikan sebagai “selesai” seperti yang berikut:

- i. Penyerahan Kuasa Kawal Selia *Liquified Petroleum Gas* (LPG) kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
- ii. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- iii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- iv. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;

SOALAN NO : 33

- v. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182);
 - vi. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 bagi melantik Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Tetap LHDN;
 - vii. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas di Negeri Sabah;
 - viii. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak;
 - ix. Penyediaan Garis Panduan Penyerahan Semula Tanah Direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
 - x. Penyerahan Kuasa Kawal Selia Elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah; dan
 - xi. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan.
3. Selain itu, terdapat juga dua (2) tuntutan di bawah MA63 yang telah dikategorikan sebagai “selesai sebahagian/interim seperti berikut:

SOALAN NO : 33

- i. Kajian Semula Pemberian Khas bagi Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D; dan
- ii. Penukaran Status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan kekal dengan iltizam untuk menyegerakan penyelesaian kepada semua tuntutan mengenai MA63. Walau bagaimanapun, tempoh masa bagi penyelesaian setiap tuntutan adalah tertakluk kepada proses perundangan yang berkaitan. Selain itu, tahap kesediaan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dari sudut operasi, sumber manusia, kewangan juga merupakan aspek yang perlu diambil kira sebelum suatu perkara/tuntutan asal MA63 dapat diselesaikan.

5. Semua isu-isu di bawah MA63 yang belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHESS, JPM) selaku Sekretariat kepada Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik, usaha dan sokongan Kementerian bagi kes gangguan spektrum autisme (ASD) yang semakin meningkat dan bagaimana Kementerian menangani isu kekurangan ahli profesional bertauliah sedangkan tidak semua kanak-kanak ASD memerlukan pendidikan khas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan sehingga September 2024, seramai 735,329 adalah Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan JKM. Daripada jumlah tersebut, seramai 63,966 adalah di bawah kategori Autisme. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10,859 OKU Autisme berbanding tahun 2023.

2. Usaha dan sokongan bagi kes gangguan spektrum autisme (ASD) adalah bersifat rentas kementerian dan memerlukan pelbagai kepakaran dan sokongan. Pendekatan ini perlu bagi memastikan sokongan yang diberikan adalah bersifat holistik dan menyokong ke arah perkembangan, kesamarataan hak dan peluang serta penyertaan aktif. Sokongan yang diberikan bermula dari aspek jagaan, rehabilitasi dan intervensi, pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Perkara-perkara ini memerlukan penyertaan penuh dari setiap agensi mengikut kepakaran, bidang kuasa dan peranan masing-masing.

3. Di pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), pelbagai usaha dan inisiatif sokongan telah dibuat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meningkatkan kualiti hidup golongan OKU Autisme. Usaha ini meliputi pengukuhan kompetensi jagaan bagi penjaga OKU Autisme, perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada ibu bapa/penjaga, penyampaian perkhidmatan kepada OKU, program sokongan bagi meningkatkan kesejahteraan dari aspek jagaan, program rehabilitasi dan intervensi serta perkhidmatan institusi kebajikan.

4. Antara inisiatif yang dijalankan di bawah KPWKM adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan dua (2) modul iaitu Pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU Autisme dan Modul Sokongan Psikologi Kepada Penjaga OKU bagi pengukuhan kompetensi jagaan bagi penjaga OKU Autisme;

- ii. Memberi perkhidmatan psikologi dan kaunseling ibu bapa kepada kanak-kanak OKU dalam Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) melalui pelaksanaan melalui intervensi psikopendidikan dan juga sesi kaunseling kelompok kepada penjaga OKU di PDK;
- iii. Penyampaian Perkhidmatan meliputi TASKA OKU, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Perkhidmatan Institusi seperti Taman Sinar Harapan, Bengkel Daya dan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian (PLPP); serta
- iv. Program Rehabilitasi Dan Intervensi

5. KPWKM menyedari isu kekurangan ahli profesional bertauliah untuk mengendalikan perkhidmatan berkaitan kanak-kanak ASD. Pelbagai kepakaran dan kemahiran diperlukan untuk melaksanakan intervensi dan program rehabilitasi terhadap OKU Autisme. Justeru, isu ini akan dibawa kepada Jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MBOKU) untuk diteliti lanjut.

6. Sementara itu, di peringkat KPWKM pada masa ini, fokus diberikan untuk melahirkan penjaga OKU yang berkemahiran. Dalam hal ini, inisiatif yang sedang dijalankan oleh KPWKM ialah bagi Pembangunan Modul Asuhan dan Jagaan Kanak-Kanak OKU Autisme. Modul ini bakal digunakan sebagai panduan latihan kepada penjaga dan pihak berkepentingan terutamanya pengusaha, pengendali, pengasuh, penjaga dan ibu bapa di TASKA dan Pusat Jagaan OKU dalam memberikan pengasuhan, penjagaan dan intervensi awal kepada kanak-kanak OKU Autisme.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pencerahan tentang pendirian Kerajaan berkenaan dengan peningkatan insiden pencerobohan oleh China di dalam Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia sejak kebelakangan ini, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menanganinya.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Selayang** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif dan tidak sesekali akan memprejudiskan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara.

3. Kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa memberikan perhatian serius terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Semua agensi penguatkuasa dan pemantauan maritim negara amat komited dalam tindakan-tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di dalam kawasan maritim Malaysia.

4. Kerajaan juga melaksanakan pendekatan, dengan izin, "*whole of government*" untuk menyelaras tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin keselamatan perairan Malaysia. Setiap agensi kerajaan memainkan peranan masing-masing untuk memastikan kepentingan negara sentiasa dipertahankan.

SOALAN NO : 35

5. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa menggunakan saluran diplomatik seperti mengemukakan Nota Bantahan kepada negara-negara yang berkenaan, sekiranya kapal dan aset-aset milik Kerajaan negara-negara tersebut didapati menceroboh perairan negara.

6. Hal ini juga selaras dengan pendirian negara dan usaha serantau melalui pendekatan, dengan izin, "*self restraint*" dan mengelak daripada mengambil tindakan-tindakan dan aktiviti-aktiviti yang boleh menimbulkan ketegangan di lapangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil Mesyuarat Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63):

- a) formula yang digunakan bagi kenaikan pemberian khas kepada Sabah dan Sarawak yang dinaikkan sekali ganda kepada RM600 juta mulai tahun depan; dan
- b) adakah Kerajaan Negeri Sabah memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya menarik balik rayuan di mahkamah Persekutuan yang mahu menghentikan semakan kehakiman terhadap pemberian hasil 40 peratus kepada Sabah.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan kadar Pemberian Khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan (PP) kepada RM600 juta bermula tahun 2025 dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) Bilangan 1 Tahun 2024 di Kota Kinabalu pada 12 September 2024 yang lalu sebagai penyelesaian secara interim. Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan meneruskan perbincangan bagi mencapai persetujuan bersama berhubung dengan formula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D PP.
2. Walau bagaimanapun, terdapat kes semakan kehakiman di mahkamah yang masih berjalan mengenai tuntutan pemberian khas kepada Negeri Sabah hendaklah dibuat berdasarkan formula sebanyak 40% daripada jumlah hasil bersih Persekutuan daripada Sabah (di bawah Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 2(1) Bahagian IV Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan) iaitu kes ***Pegulam Negara v Sabah Law Society (Mahkamah Persekutuan No. 08(f)-201-07/2024)***.
3. Memandangkan kes berhubung semakan kehakiman tersebut masih berjalan, Kerajaan Persekutuan tidak berniat untuk mencampuri prosiding mahkamah yang sedang berlangsung. Di samping itu, adalah diharapkan agar semua pihak menghormati proses mahkamah yang sedang berjalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha Kementerian ke arah memastikan Malaysia mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dan sejauh manakah komitmen Kementerian dalam menyokong dasar karbon wilayah Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan Malaysia mencapai aspirasi pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, pihak kementerian sedang dalam proses memuktamadkan dokumen pelan tindakan Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon atau *Long-Term Low Emissions Development Strategy* (LT-LEDS) yang dibangunkan dengan mengambil kira inisiatif perubahan iklim secara holistik, terangkum dan berkesan. Buat masa ini, dokumen LT-LEDS sedang dalam proses untuk dimuktamadkan sebelum dibentangkan kepada Kabinet untuk kelulusan.
2. Selain itu, Kerajaan pada 25 September 2024 telah bersetuju dengan Dasar Perubahan Iklim 2.0 yang memfokuskan kepada inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi negara beralih kepada ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Dasar ini juga dibangunkan dengan mengambil kira sasaran LT-LEDS negara.
3. Dalam masa yang sama, bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai, pihak kementerian juga sedang dalam proses menggubal Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN). RUU ini dijangka akan membolehkan negara mengoperasikan tindakan iklim yang digariskan di dalam Perjanjian Paris untuk dilaksanakan di peringkat domestik dan ianya akan memacu pelaksanaan LT-LEDS, DPIN2.0 dan lain-lain dasar-dasar lain berkaitan perubahan iklim yang akan saling melengkapi. Rang Undang-Undang ini dijangka akan dibentangkan pada seawal tahun 2025.
4. Berkenaan dengan dasar karbon wilayah Sarawak, Kementerian komited untuk memastikan kepentingan kerajaan negeri terpelihara. Dalam hal ini, Kementerian sentiasa mengamalkan pendekatan seluruh negara atau *whole of nation approach* dalam pembangunan dasar serta perundangan berkaitan perubahan iklim. Sebagai contoh, saya sendiri telah mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak pada 20 Ogos 2024 bagi membincangkan hal-hal berkaitan pembangunan RUUPIN dan lain-lain dasar berkaitan perubahan iklim.

SOALAN NO : 37

5. Dalam hal ini, pihak Kementerian telah memaklumkan komitmennya untuk menghormati hak Kerajaan Negeri bagi perkara berkaitan sumber asli dan hasil negeri selaras dengan perlembagaan persekutuan. Selain itu, pihak Kementerian juga telah menyatakan hasrat agar Kerajaan Negeri dapat bersama mengambil bahagian dalam perbincangan dan pembangunan dasar-dasar perubahan iklim yang berkaitan bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri sentiasa terpelihara.

6. Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Jun 2024 juga telah bersetuju dengan Penubuhan Jawatankuasa Dekarbonisasi Kebangsaan yang akan melibatkan kerajaan-kerajaan negeri serta pihak berkepentingan berkaitan bagi memastikan peralihan kepada pembangunan rendah karbon dilaksanakan secara teratur dan seimbang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan usaha Kerajaan dalam memperkukuhkan hubungan diplomatik dengan negara-negara kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Port Dickson** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. China dan Amerika Syarikat merupakan rakan-rakan strategik utama Malaysia. Tidak dinafikan kerjasama dengan kedua-dua negara ini telah dan akan terus membawa manfaat kepada Malaysia.

3. Hubungan dua hala antara Malaysia dan China telah terjalin sejak 1974. Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak bin Hussein melakar sejarah dengan menjadi pemimpin ASEAN yang pertama menjalinkan hubungan diplomatik dengan China pada 31 Mei 1974. Hubungan dua hala kemudiannya dinaiktaraf ke peringkat Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) pada tahun 2013.

4. Tahun ini juga merupakan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Kedua-dua negara telah mengaturkan pelbagai program dan aktiviti untuk menyambut lima dekad persahabatan dan kerjasama yang saling melengkapi. Pertukaran lawatan peringkat tertinggi juga telah diaturkan sepanjang tahun ini. Baru-baru ini, mulai 19 hingga 22 September, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah berangkat ke China dalam satu lawatan negara. Premier Li Qiang pula telah mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia dari 18 hingga 20 Jun 2024. Ini juga merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengukuhkan hubungan erat sedia ada antara Malaysia dan China serta memberi peluang kepada kedua-dua buah negara bertukar-tukar pandangan dan membincangkan isu dan kerjasama dua hala berkepentingan bersama.

5. Hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang telah terjalin sejak tahun 1957 adalah sangat baik dan telah dipertingkatkan kepada peringkat Perkongsian Komprehensif pada April 2014. Hubungan dua hala Malaysia-Amerika Syarikat didasari dengan pelbagai bentuk kerjasama yang merangkumi perdagangan dan pelaburan, pertahanan dan keselamatan, kesihatan, pendidikan serta hubungan antara rakyat.

6. Pada tahun ini (2024), Malaysia dan Amerika Syarikat menyambut ulang tahun kesepuluh Perkongsian Komprehensif ini. Kedua-dua negara juga mempunyai mekanisme dua hala untuk membincangkan isu-isu berkepentingan bersama melalui Dialog Pegawai-Pegawai Kanan, atau dengan izin, *Senior Officials' Dialogue – SOD*. Dialog Pegawai Kanan Keenam Malaysia-Amerika Syarikat akan diadakan pada 21 Oktober 2024 yang akan diketuai sendiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

Pendirian Malaysia terhadap hubungan dengan China dan Amerika Syarikat

7. Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk mengimbangi hubungannya dengan China dan Amerika Syarikat secara strategik bagi memastikan kepentingan negara sentiasa terjamin. China dan Amerika Syarikat masing-masing merupakan rakan dagang terbesar dan ketiga terbesar Malaysia. Pada tahun 2023, China kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia terbesar bagi 15 tahun berturut-turut, dengan jumlah perdagangan sebanyak RM450.84 bilion (USD98.90 bilion). Nilai dagangan Malaysia dan Amerika Syarikat pula adalah sebanyak RM250.25 bilion (USD54.82 bilion) dalam tahun yang sama.

8. Hubungan ekonomi Malaysia dengan kedua-dua kuasa besar itu tidak terjejas di sebalik ketegangan China dan Amerika Syarikat. Malaysia akan sentiasa telus dalam menyatakan pendirian dan pandangan berkaitan sebarang isu yang mempunyai kepentingan bersama dengan negara China dan Amerika Syarikat. Malaysia dan China juga bersetuju untuk menyelesaikan sebarang isu secara aman melalui dialog.

SOALAN NO : 38

9. Dalam usaha memastikan kerjasama rapat antara Malaysia dengan kedua-dua negara ini diteruskan, kita akan terus menggunakan semua platform rundingan dua hala dan pelbagai hala bagi membincangkan isu-isu yang mempunyai nilai kepentingan bersama serta mencari jalan penyelesaian secara kolektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada MITRA bagi menjayakan Program Transformasi Masyarakat India bagi tahun 2024. Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan sehingga kini mengikut pecahan agensi, persatuan dan syarikat secara perinci serta syarat dan kaedah digunakan dalam memilih pengagihan tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah berpindah daripada agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 3 April 2024. Segala urusan pentadbiran berkaitan perpindahan ini telah selesai sepenuhnya pada 24 Mei 2024 dan kelulusan Garis Panduan Pengurusan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India pada 7 Jun 2024.
2. Sehingga September 2024, MITRA telah memproses dan meluluskan sebanyak 11 program dengan anggaran kos sebanyak RM95.4 juta yang menyasarkan seramai 118,976 orang. Program-program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut iaitu:
 - a. Program Bantuan Lesen Lori GDL MITRA bernilai RM1,500,000.00 yang akan dilaksanakan oleh Institut Memandu di seluruh negara melalui kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan sasaran seramai 654 orang;
 - b. Program Latihan & Penempatan Kerja: Sijil Profesional Keselamatan Siber EC-Council bernilai RM3,400,000.00 yang akan dilaksanakan oleh Intellize Tech Services Sdn. Bhd. dengan sasaran peserta seramai 200 golongan belia;
 - c. Program *Stock Market Investment and Trading* bernilai RM3,050,000.00 yang akan dilaksanakan oleh Bursa Saham Malaysia dengan sasaran seramai 5,000 orang;

SOALAN NO : 39

- d. Program Malaysia-China Youth TVET Training bernilai RM3,000,000.00 yang akan dilaksanakan oleh Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (Belia Mahir) dengan sasaran seramai 500 golongan belia;
- e. Program *Malaysian Indian Skills Initiative* (MISI) bernilai RM10,000,000.00 yang akan dilaksanakan dengan kerjasama tiga (3) agensi iaitu MITRA, Kementerian Malaysia (MOF) dan Kementerian Sumber Manusia melalui HRDCorp;
- f. *Malaysian Indian Community Entrepreneurship Program* (MICEP) bernilai 12,326,400.00 yang akan dilaksanakan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dengan sasaran seramai 600 golongan usahawan;
- g. Program Subsidi Pendidikan Awal Tadika Swasta bernilai RM10,000,000.00 dengan sasaran seramai 4,545 kanak-kanak dari keluarga B40;
- h. Program Bantuan Awal Kemasukan IPT MITRA (IPT 4.0 MITRA) bernilai RM25,000,000.00 dengan sasaran seramai 12,400 pelajar tahun pertama dan kedua yang sedang melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dari keluarga B40;
- i. Program Bantuan Subsidi Dialisis MITRA bernilai RM8,000,000.00 dengan sasaran seramai 800 pesakit buah pinggang;
- j. Program Bantuan Kebajikan Sinar Cahaya MITRA yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara bernilai RM15,500,000.00 dengan sasaran seramai 14,331 orang; dan

SOALAN NO : 39

- k. Program Kesedaran Keselamatan Siber untuk SJKT dan Pelajar India di SMK bernilai RM3,705,675.00 dengan sasaran seramai 80,000 murid-murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).
3. MITRA juga telah mempunyai perancangan program akan dibuat dengan menggunakan baki peruntukan sebanyak RM4,517,925.00 dan sekaligus membelanjakan sepenuhnya peruntukan pada tahun ini.
 4. Untuk makluman jua, MITRA mempunyai dua (2) kaedah atau mekanisme dalam penyaluran geran RM100 juta iaitu:
 - a. yang pertama adalah melalui kaedah Program Inisiatif iaitu MITRA akan merancang program-program berimpak tinggi dan bekerjasama dengan agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau Organisasi yang mempunyai kepakaran khusus;
 - b. bagi kaedah kedua pula adalah melalui Permohonan Geran iaitu MITRA akan membuka permohonan geran untuk dimohon oleh Organisasi yang berdaftar yang merangkumi NGO/Syarikat/Yayasan dan lain-lain.
 - c. Semua program atau permohonan yang dicadangkan akan diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MITRA JPM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri atau dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MITRA yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MITRA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN
[RANAU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah total telaga minyak yang sedang beroperasi di Sabah dan Sarawak dan berapa pengeluaran tong minyak sehari untuk keseluruhan telaga minyak di Sabah dan Sarawak mengikut data yang terkini tahun ini dan berapa hasil yang diperoleh Kerajaan Sabah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 31 Ogos 2024, jumlah purata pengeluaran minyak daripada 18 lapangan minyak di luar pesisir pantai Sabah dan 68 lapangan minyak di luar pesisir pantai Sarawak masing-masing mencatatkan sebanyak 161.1 ribu tong setara minyak sehari dan 154.8 ribu tong setara minyak sehari.

2. Sementara itu, Kerajaan Negeri Sabah memperoleh hasil sebanyak RM640.8 juta daripada pengeluaran minyak di luar pesisir pantai Sabah melalui pembayaran wang tunai petroleum bagi separuh pertama tahun 2024, serta RM508.8 juta melalui pembayaran cukai hasil jualan minyak oleh Kumpulan PETRONAS dan anak syarikatnya bagi tempoh Januari hingga September 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil untuk menyemak dan mengemas kini kurikulum TVET selaras dengan perkembangan teknologi pesat seperti automasi, kecerdasan buatan (AI), dan Revolusi Industri 4.0.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN
WILAYAH**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Program TVET yang dilaksanakan merentasi 12 Kementerian melibatkan pelbagai bidang kemahiran dan ditauliahkan oleh dua badan kawal selia utama iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Tinggi berasaskan *Occupational / Industry Standard Practice* (OISP).
2. OISP akan digunakan sebagai penanda aras dalam menentukan prestasi individu dalam bidang atau disiplin tertentu. Piawaian tersebut menggariskan jangkaan pencapaian serta tahap pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu bidang selaras keperluan industri. OISP dibangunkan dan dipantau secara bersama oleh pakar dari pelbagai bidang kepakaran termasuk pihak industri berasaskan kepada keperluan pekerjaan selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.
3. Standard dan kurikulum program TVET disemak dan ditambah baik dari masa ke semasa bersama pihak industri untuk memastikan program TVET yang ditawarkan kekal relevan seiring dengan permintaan semasa dan masa hadapan. Penjajaran semula kursus dan kurikulum dengan bidang tumpuan seperti digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan bidang dengan potensi pertumbuhan dan bernilai tinggi, dengan izin *High Growth High Value* (HGHV) turut diberi penekanan oleh semua institusi TVET untuk memastikan graduan TVET yang dilatih kekal kompetitif untuk memasuki pasaran pekerjaan nanti.

SOALAN NO: 41

4. Dalam medepani keperluan dan perubahan terkini teknologi ini, program-program TVET baharu telah mula diperkenalkan di institusi TVET untuk memastikan industri mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dan berkualiti. Antara program-program terkini yang telah mula ditawarkan adalah program seperti Sains Komputer (Kepintaran Buatan), Teknologi Kejuruteraan (Automasi dan Robotik), Perkhidmatan Kejuruteraan Automasi Industri, Pemasangan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri, dan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan Pintar.
5. Selain itu, Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang bertujuan untuk memperkukuh sektor TVET telah diperkenalkan dan digunakan dalam menilai program TVET yang ditawarkan oleh semua institusi TVET. Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET melibatkan pemakaian dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) sebagai rujukan dan digunakan dalam pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET yang ditauliah dan diakreditasi oleh JPK dan MQA.
6. COPTPA menggariskan skop program TVET dan standard minimum pelbagai keperluan khusus program TVET sebagai rujukan kepada penyedia TVET dalam penawaran dan jaminan kualiti program. COPTPA telah menggariskan bahawa sesuatu program itu diklasifikasikan sebagai TVET jika OISP digunakan sebagai asas dalam pembangunan kurikulum.
7. Lanskap TVET secara keseluruhan kini bersifat responsif terhadap pasaran pekerjaan. Justeru, penglibatan secara langsung pihak industri dalam pelaksanaan program TVET yang berfokus turut menjadi keutamaan dalam mengatasi isu ketidakpadanan (*mismatch*). Jalinan kerjasama strategik dengan pihak industri akan terus diperkukuh bagi mengoptimumkan kepakaran dan teknologi terkini termasuk bidang automasi, kecerdasan buatan (AI) dan Revolusi Industri 4.0 dalam memenuhi hasrat pelaksanaan TVET dipacu industri. Kepakaran industri akan dimanfaatkan bagi tujuan

SOALAN NO: 41

pembangunan kurikulum dan rekabentuk penyampaian latihan selaras perkembangan teknologi terkini.

Sekian, Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status siasatan dan dapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC) berkenaan wujudnya kartel dalam industri beras putih tempatan dan barangan asas yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ingin memperjelaskan bahawa agensinya Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hanya menjalankan kajian am dan bukannya penyiasatan berkenaan kartel dalam industri beras putih tempatan. Kajian am ini dijalankan di bawah kuasa Seksyen 16(g) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 yang menyatakan seperti berikut-

16. Suruhanjaya hendaklah mempunyai apa-apa fungsi yang dinyatakan di bawah undang-undang persaingan dan hendaklah juga mempunyai fungsi yang berikut:

(d) menjalankan, sebagaimana yang difikirkannya sesuai, kajian am berhubung dengan isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor tertentu ekonomi Malaysia;

Untuk makluman, kajian am ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji struktur pasaran dan amalan perniagaan industri padi dan beras negara secara menyeluruh bagi mengenal pasti sebarang potensi isu persaingan. Sekiranya kajian am menunjukkan tanda-tanda wujudnya amalan anti-persaingan, MyCC tidak akan teragak-agak untuk mengaktifkan kuasa penyiasatannya. Kajian am ini juga sebahagian pendekatan *whole of nation* KPDN bagi membantu KPKM untuk membentuk dasar baharu bagi industri padi dan beras negara, dan dapatan kajian ini telah pun dikemukakan kepada KPKM.

Atas arahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), MyCC juga sedang menjalankan kajian *Approved Permit* (AP) dan *Import Permit* (IP), dalam pengimportan barang makanan iaitu bawang, daging dan kelapa. Pada masa kini, MyCC sedang giat menjalankan sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pemain industri yang berkaitan. Dapatan kajian ini dijangka dibentangkan kepada MTEN sebelum akhir tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan komitmen Kementerian dalam menambah baik landskap perundangan sedia ada untuk menyokong perniagaan tenaga terutama dalam sektor perdagangan karbon di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kementerian sedang membangunkan Rang Undang Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) yang akan menjadi instrumen utama bagi memastikan pelaksanaan perdagangan karbon dapat dilaksanakan secara efektif di Malaysia.
2. Dalam masa yang sama, NRES juga sedang melaksanakan Kajian Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) secara berperingkat. Dasar ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan mekanisme pasaran karbon pematuhan dan sukarela di Malaysia bagi memudah cara pelaksanaan projek karbon oleh pelabur. Dijangka projek karbon berasaskan teknologi (*technology based*) dari sektor tenaga dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi (*nature based*) dapat menerima manfaat daripada pelaksanaan RUUPIN dan DPKK ini.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah penting agar elemen-elemen di bawah RUUPIN dan DPKK ini dilihat secara bersepadu bagi memastikan tadbir urus perubahan iklim dan perdagangan karbon di negara ini adalah tuntas dan melengkapinya dasar Kerajaan lain yang sedia ada. Ini kerana, perancangan ini bukan sahaja dibuat bagi memenuhi komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Paris malahan ianya juga dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan peningkatan tahap sosio-ekonomi negara.
4. Pembangunan RUUPIN dan DPKK ini mengamalkan pendekatan *whole of nation*. Oleh yang demikian, bermula pada bulan Julai 2024, NRES telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, persatuan, pihak swasta dan lain-lain bagi mendapatkan input dan maklum balas awal mengenai pembangunan RUUPIN dan DPKK. Sesi libat urus ini bukan sahaja dilaksanakan di peringkat pegawai, malah turut dilaksanakan di peringkat pengurusan tertinggi dan Menteri.

SOALAN NO : 43

5. Pihak kementerian juga telah memuat naik kertas rundingan awam atau *consultation paper* untuk mendapatkan sebarang komen dan pandangan mengenai cadangan RUUPIN ini pada 4 Oktober 2024. Kertas rundingan awam ini mengandungi peruntukan dan penjelasan mengenai perihal yang dicadangkan untuk dimuatkan dalam RUUPIN tersebut.

6. Di peringkat ASEAN pula, cadangan pembangunan suatu kerangka pasaran karbon yang dikenali sebagai *ASEAN Common Carbon Framework (ACCF)* merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah *ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC)* untuk melaksanakan strategi yang telah digariskan di bawah *ASEAN Strategy for Carbon Neutrality*.

7. ACCF bermatlamat untuk mengemblengkan segala usaha semasa dan perancangan di negara-negara ASEAN melibatkan aktiviti dan ekosistem pasaran karbon. Antara lain, ACCF akan mewujudkan pengiktirafan bersama (*mutual recognition*) bagi pembangunan piawaian dan metodologi projek karbon seperti *Thailand Verified Emission Reduction (TVER)*, Sistem Registri Nasional (SRN) Indonesia dan *Forest Carbon Offset (FCO)* yang sedang dibangunkan oleh Kementerian ini melalui agensi Malaysia Forest Fund. Selain itu, ACCF juga akan membolehkan perkongsian teknikal dan kepakaran (terutamanya badan verifikasi dan validasi), pembangunan kapasiti, usaha sama di peringkat perniagaan serta jaringan pelaksanaan skim pasaran karbon pematuhan domestik (*Emission Trading Scheme*) di kalangan negara-negara ASEAN kelak.

8. Cadangan konsep dan mekanisme pelaksanaan ACCF ini akan dirundingkan secara lebih komprehensif di peringkat ASEAN bermula tahun depan (di bawah Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia), untuk memastikan ianya menjadi inisiatif yang dapat menyumbang kepada ekosistem pasaran karbon serantau dan membuka peluang yang lebih besar bagi pembangunan projek serta penjanaan kredit karbon dari negara ASEAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
[AMPANG]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kerangka strategik dan pelan tindakan untuk menghadapi fenomena penuaan masyarakat menjelang 2030 termasuk insentif buat NGO yang menyediakan perkhidmatan ini dan huraian mengenai mekanisme jangka pendek, sederhana dan panjang yang telah dan sedang dirancang bagi menangani peningkatan mendadak kos persaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi panduan kepada semua pihak bagi melahirkan generasi warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.
2. PTWEN menggariskan 6 strategi iaitu Promosi dan Advokasi, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Keselamatan dan Perlindungan, Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab, Penglibatan dan Kesepaduan antara Generasi serta Penyelidikan dan Pembangunan.
3. Pelaksanaan DWEN dan PTWEN merupakan agenda tetap dalam mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
4. Seterusnya, satu Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara ditubuhkan untuk merangka, melaksana, memantau dan menilai keberkesanan program di bawah PTWEN bagi merealisasikan matlamat DWEN dengan mengambil kira perancangan peringkat negeri dan mengemukakan kepada MPPWEN. Jawatankuasa ini disokong oleh tujuh 7 Jawatankuasa Kecil yang bertanggungjawab untuk melaporkan program dan aktiviti pembangunan warga emas di bawah jawatankuasa masing-masing.
5. KPWKM kini sedang mengkaji semula PTWEN selaras dengan cabaran mendepani negara menua. Penyediaan PTWEN baharu turut mengambilkira perkara yang digariskan dalam *Kuala Lumpur Declaration on Ageing* dipersetujui oleh negara-negara ASEAN untuk memperkasakan warga emas dan keluarga mereka. Selain itu, *Madrid International Plan of Action on Ageing* (MIPAA) yang mengambil

SOALAN NO : 44

pendekatan berorientasikan pembangunan terhadap penuaan penduduk, turut dirujuk dalam penyediaan pelan tindakan ini.

6. Pelan tindakan ini adalah bersifat holistik dan memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan merangkumi mekanisme jangka pendek, sederhana dan panjang. Ia meliputi bidang seperti kesihatan, kesejahteraan dan mewujudkan persekitaran yang menyokong untuk warga emas. Pelaksanaan program di bawah PTWEN turut melibatkan kerjasama dan penyertaan pelbagai pihak termasuk kementerian, agensi dan pihak NGO.

7. Selain itu, pada masa ini kerajaan menerusi Kementerian Ekonomi sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan bagi memberi perhatian terhadap cabaran Malaysia menuju negara menua.

8. KPWKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama semua pihak dan sentiasa membantu dalam hal ini di samping sentiasa memberi penekanan kepada prinsip Penjagaan Berasaskan Keluarga dan menerapkan konsep Penuaan Setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 17 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB [TANJONG MANIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah projek infrastruktur MADANI yang telah diluluskan oleh Kementerian dan berapa bilangan JKKK atau komuniti yang telah mendapat manfaat dari program tersebut dalam Parlimen Tanjong Manis pada tahun 2024.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 8 Oktober 2024, Projek Infrastruktur MADANI (PRISMA) yang telah diluluskan bagi Kawasan Parlimen Tanjong Manis adalah sebanyak **sembilan (9) projek** dengan kos keseluruhan sebanyak **RM1.195 juta**. Projek-projek ini merangkumi kerja-kerja naik taraf dan baik pulih infrastruktur awam seperti jalan, jeti, dewan, sistem perparitan, masjid dan rumah individu B40. Pelaksanaan projek-projek ini akan diselaraskan oleh ICU JPM melalui Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak.
2. Program PRISMA menekankan keselamatan awam dan kesejahteraan sosial melalui pengukuhan JKKK serta komuniti, dengan akses yang lebih baik kepada fasiliti kesihatan, pendidikan, dan perkhidmatan sosial lain, sekaligus memperkuatkan kerjasama serta program kemasyarakatan.
3. Dalam hal ini, manfaat pelaksanaan program adalah kepada keseluruhan komuniti di kawasan Parlimen Tanjong Manis, secara saksama.

Sekian, terima kasih.